

# KBS cadang bina velodrom baharu di Lembah Klang

**KEMENTERIAN** Belia dan Sukan (KBS) menyuarakan hasrat dan perancangan mereka untuk membina sebuah velodrom terbuka baharu di kawasan Lembah Klang yang bertujuan bagi kegunaan orang ramai.

Menterinya, Hannah Yeoh berkata, pihaknya sudah memulakan perbincangan bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi mengenal pasti lokasi yang bersesuaian untuk tujuan tersebut.

Tambahnya, pembinaan velodrom terbuka itu dicadangkan dibina secara asas kerana kos penyelenggaraan yang menjimatkan selepas menerima pandangan daripada pengarah teknikal skuad berbasikal kebangsaan, John Beasley.

"John (Beasley) mencadangkan di kawasan Lembah Klang kerana kita ada komuniti berbasikal, tetapi mereka tiada velodrom dekat sini. Mereka cadang-



**HANNAH (tengah)** melakukan aktiviti bersama komuniti di Dataran Perumahan Awam Seri Selangor, Cheras semalam. - KBS

kan supaya dibuat velodrom terbuka yang lebih asas dan kurang penyelenggaraan.

"Kalau kita buat secara tertu-

tup, ia perlukan penyaman udara dan pelbagai lagi, maka kos akan meningkat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan

Program Senamrobik Komuniti Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2024 di Dataran Perumahan Awam Seri Selangor,

Cheras semalam.

Terdahulu, Hannah berkesempatan untuk melakukan lawatan ke pusat latihan jaguh berbasikal trek negara, Datuk Azizulhasni Awang di Melbourne, Australia dan beliau dibawa melawat Velodrom Brunswick yang merupakan bersifat terbuka dan asas.

"Beliau (Azizulhasni) menunjukkan saya velodrom asas di Australia dan ia dibina di bawah pencawang. Saya juga sudah mulakan perbincangan dengan DBKL bagi meneliti kawasan mana yang sesuai untuk bina velodrom asas itu," ujarnya.

Sementara itu, Hannah menjelaskan, Program Senamrobik Komuniti yang dilancarkan semalam bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia dengan tumpuan awal diberikan kepada 43 Projek Perumahan Awam (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di sekitar Kuala Lumpur.